

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 4 OGOS 2020**

**SOALAN**

**DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan Kerajaan telah berbincang dengan Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) tentang penempatan pelarian Rohingya ke negara lain. Adakah isu Rohingya ini akan menjaskan hubungan Malaysia dengan Myanmar dan Bangladesh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat [ Sungai Petani ]** atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rentetan daripada kejadian kemasukan pelarian Rohingya ke Malaysia melalui sindiket pemerdagangan manusia pada tahun ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil pendirian tegas untuk tidak membenarkan kemasukan pelarian berkenaan. Ini adalah kerana Malaysia telah pun memberikan perlindungan kepada lebih 200,000 orang pelarian Rohingya yang telah pun berada dalam negara kita. Angka ini merupakan jumlah tumpuan pelarian Rohingya yang terbesar di mana-mana negara di rantau Asia Tenggara. Pendirian ini juga diambil atas pertimbangan bagi mencegah ancaman kluster baharu penyebaran COVID-19 semasa negara kita sedang menguatkuasakan kawalan sempadan negara di bawah beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan.
3. Dalam usaha Kerajaan menangani jumlah pelarian Rohingya yang ramai, Kerajaan terus mengadakan perbincangan dengan pihak, dengan izin, *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) agar agensi tersebut menyegerakan usaha penempatan semula (*resettlement*) pelarian Rohingya yang memegang kad UNHCR ke negara ketiga. Kerajaan sedar bahawa jumlah yang telah berjaya ditempatkan di negara ketiga adalah amat kecil pada masa ini kerana kurangnya kebersediaan negara-negara ketiga menerima mereka. Oleh yang demikian, saya terus membangkitkan perkara ini dengan rakan-rakan sejawatan saya dan menyeru negara-negara berkemampuan terutamanya negara-negara yang merupakan ahli kepada Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967 untuk menerima pelarian Rohingya dari Malaysia.
4. Menjurus kepada persoalan samada isu pelarian Rohingya ini akan menjaskan hubungan dua hala Malaysia dengan Myanmar dan Bangladesh, saya ingin jelaskan di sini bahawa secara asasnya, Kerajaan Malaysia sentiasa memupuk hubungan diplomatik yang erat dengan

kedua-dua negara. Meskipun terdapat perbezaan pendirian berhubung isu Rohingya, Malaysia tidak mahu hubungan dua hala kita dengan Myanmar terjejas. Kerajaan Malaysia akan terus berbincang dengan Myanmar, baik di peringkat dua hala, mahupun di bawah kerangka ASEAN dalam mencari jalan penyelesaian terhadap masalah pelarian Rohingya.

5. Dalam pada itu, hubungan akrab antara Malaysia dan Bangladesh akan terus dipertingkatkan. Kita sedar dan amat memahami situasi yang dihadapi oleh Bangladesh berkenaan limpahan pelarian Rohingya ke negara itu. Malah, Malaysia merupakan antara negara terawal yang menyampaikan bantuan kepada Bangladesh susulan krisis Rohingya pada tahun 2017. Malaysia juga menubuhkan Hospital Medan Malaysia (HMM) di Cox's Bazar sejak 2017. Hospital Medan Malaysia tersebut bukan sahaja menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada pelarian Rohingya malah penduduk tempatan turut menggunakan kemudahan tersebut.

6. Kerjasama antara Malaysia dan Bangladesh juga dapat dilihat di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2019, di bawah usaha sama Pertubuhan Kerjasama Negara-negara Islam (OIC), kedua-dua negara telah membawa isu akauntabiliti ke atas pelanggaran tanggungjawab Myanmar di bawah Konvensyen PBB berkenaan Pencegahan dan Hukuman Jenayah Genosid menghadap Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

7. Secara kesimpulannya, Kerajaan percaya bahawa jalinan komunikasi dan hubungan dua hala perlu dipelihara agar perbincangan dengan semua pihak dapat diteruskan oleh Malaysia dalam usaha-usaha mencari jalan penyelesaian bagi isu Rohingya.

Sekian, terima kasih.